



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-3/2/1 (41)

Tarikh : // April 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YB/YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YB/YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/ Dato' Seri/Datuk/Dato'/ Tuan/Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada 5 April 2022 telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2022 (BKKA 2022) sebanyak RM500 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah.

3. BKKA 2022 sebanyak RM250 juga dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen serta pesara Skim KWSP yang bersara

daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 25 April 2022.

4. Pembayaran ini juga akan turut dipanjangkan kepada pegawai kontrak dan pesara yang dilantik semula secara *Contract Of Service* (COS)¹ seperti ketetapan berikut:

- (i) pegawai lantikan MySTEP yang tempoh kontraknya masih berkuat kuasa pada 25 April 2022;
- (ii) guru interim;
- (iii) pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya;
- (iv) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman;
- (v) pesara dan veteran yang dilantik semula secara COS dan masih berkhidmat pada 25 April 2022 layak dibayar sebanyak RM500.00; dan
- (vi) veteran berpencen dan veteran tidak berpencen.

5. Bayaran BKKA 2022 layak diberikan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana seperti berikut:

- (i) pegawai lantikan tetap, sementara dan COS;
- (ii) pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- (iii) pegawai yang bercuti separuh gaji;
- (iv) pegawai yang bercuti tanpa gaji;

¹ Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

- (v) pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKKA 2022 ini akan dibayar oleh Agensi yang menerima peminjaman pegawai; dan
- (vi) Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 25 April 2022.

6. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada pegawai-pegawai berikut:

- (i) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
- (ii) pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022;
- (iii) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022;
- (iv) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022; dan
- (v) pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan.

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau telah dikeluarkan surat pertuduhan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan **ditangguhkan** pemberian BKKA 2022 sehingga Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

8. BKKA 2022 akan dibayar pada **25 April 2022** di bawah tanggungan Jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran. Bagi veteran yang dilantik semula secara COS, BKKA 2022 sebanyak RM250 akan dibayar oleh Jabatan di mana pegawai berkhidmat.

9. Arahan ini secara keseluruhannya dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing.


10. Dengan berkuat kuasanya surat edaran ini, surat edaran Bil. JPA.800-3/2/1 (39) bertarikh 8 April 2022 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Akauntan Negara